



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

### MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN

---

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang akan menganjurkan Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 (HASN 2022) Peringkat Kebangsaan di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang pada 22 Oktober 2022. Majlis perasmian ini akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
2. Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada tanggal 21 Oktober setiap tahun mengekalkan tema "**Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama**" dengan tambahan slogan "**Menyantuni Alam Sekitar dan Keluarga Malaysia**". Selaras dengan tema dan slogan ini, semua pihak diseru untuk bersama-sama bertanggungjawab terhadap pemuliharaan alam sekitar dan pencegahan jenayah alam sekitar. Pemain industri dan pemaju projek pembangunan terutamanya memainkan peranan penting untuk melaksanakan kawalan sendiri dalam setiap aktiviti yang dijalankan supaya tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar.
3. Sempena sambutan HASN 2022, terdapat banyak aktiviti yang dianjurkan antaranya ialah kempen pengumpulan *e-waste* untuk dilupuskan secara mesra alam. Sehingga September 2022, pengumpulan *e-waste* telah mencecah sebanyak 2,141 tan metrik dan dijangkakan angka ini akan terus meningkat. Aktiviti Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) turut diadakan dengan penglibatan anggota masyarakat di sekitar Kuantan. Program KUDAH ini diadakan pada sepanjang tahun di seluruh negara oleh KASA dan agensi-agensinya di bawahnya dengan penglibatan bersama pelbagai pihak seperti Rakan Alam Sekitar (RAS), pelajar IPT, badan bukan kerajaan (NGO), pihak industri dan orang ramai/ komuniti setempat. Program ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat yang dilihat semakin cakna terhadap alam sekitar.

4. Selain itu, turut akan diadakan ialah acara *Gambut Run* sejauh 5 kilometer bermula di Dataran MBK, Kuantan dan akan turut disertai oleh KDYMM Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Selain itu, aktiviti lain yang diadakan adalah Pertandingan Reka Cipta Bahan Kitar Semula, Pengumpulan Buangan Kitar Semula (minyak masak, kertas, plastik dan sebagainya), Kempen Hindari Plastik Sekali Guna, Pelancaran Buku Islam dan Alam Sekitar dan juga penyampaian Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Kebangsaan 2020/2022 serta Pertandingan Mewarna.
5. KASA menyeru seluruh rakyat Malaysia di pelbagai pihak dan lapisan masyarakat untuk sama-sama menjadi `mata dan telinga' untuk membantu membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan alam sekitar. Penyertaan program-program pemeliharaan alam sekitar seperti penanaman pokok, gotong-royong berkaitan alam sekitar, mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dan program-program berkaitan pendidikan serta kesedaran amatlah digalakkan dalam usaha membudayakan gaya hidup lestari dalam kalangan masyarakat. Justeru, semua rakyat dipelawa menjadi ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) yang menjalankan aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar seperti KUDAH, menanam pokok dan *enviro hiking*. Sehingga September 2022, ahli RAS berjumlah seramai 167,000 orang di seluruh negara.
6. KASA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran sambutan HASN 2022. Semoga usaha ini dapat melahirkan masyarakat yang lebih cakna tentang isu pencegahan pencemaran serta pemuliharaan alam sekitar di Malaysia dan akhirnya menjadikan penjagaan alam sekitar sebagai sebahagian budaya hidup.

- Tamat -

**YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang**

Ketua Setiausaha

Kementerian Alam Sekitar dan Air

21 Oktober 2022